



**TITAH DIRAJA**

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**SEMPENA**

**MAJLIS SANTAPAN BERSAMA RAKYAT MALAYSIA  
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PADA**

**18 OGOS 2019 [ AHAD ]  
BERSAMAAN 17 ZULHIJAH 1440 HIJRAH**

**BERTEMPAT DI**

**BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام  
على اشرف الانبياء والمرسلين  
وعلى اله وصحبه اجمعين  
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري  
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

YANG BERHORMAT DATO SAIFUDDIN BIN ABDULLAH; MENTERI LUAR NEGERI;  
DAN DATIN.

TUAN YANG TERUTAMA ISMAIL BIN SALAM, PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA  
KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

HADIRIN DAN HADIRAT RAKYAT MALAYSIA YANG DIKASIHI SEKALIAN,

ALHAMDULILLAH. SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA  
KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA-NYA, DAPAT SAYA BERANGKAT HADIR  
KE MAJLIS SANTAPAN BERSAMA RAKYAT MALAYSIA DI NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM SEMPENA LAWATAN RASMI SAYA KE NEGARA INI.

SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG BERASA AMAT SUKACITA KERANA DIBERI  
RUANG UNTUK BERTEMU DAN BERSUA-MUKA DENGAN RAKYAT MALAYSIA.  
INI ADALAH PELUANG PENTING UNTUK MEMBOLEHKAN

SAYA MENGETAHUI TENTANG KEBAJIKAN DAN PERKEMBANGAN RAKYAT MALAYSIA  
YANG BERADA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

SESUNGGUHNYA, KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA SENTIASA  
DEKAT DI HATI SAYA; TIDAK KIRA DI MANA JUGA RAKYAT MALAYSIA BERADA  
DI PELUSUK DUNIA INI.

MALAYSIA DAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MEMPUNYAI HUBUNGAN YANG SANGAT AKRAB DAN ISTIMEWA. HUBUNGAN INI DI-DOKONG DENGAN IKATAN ERAT DALAM PELBAGAI ASPEK TERMASUK SEJARAH; AGAMA; BUDAYA; BANGSA SERTA BAHASA.

LAWATAN RASMI SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM ADALAH UNTUK MENERAT SERTA MENGUKUHKAN LAGI HUBUNGAN PERSAHABATAN YANG ISTIMEWA TERSEBUT.

SAYA TELAH DISEMBAH MAKLUM BAHAWA TERDAPAT HAMPIR 25,000 ORANG RAKYAT MALAYSIA YANG BERMASTAUTIN DAN BEKERJA DI NEGARA INI. DALAM HAL INI, SAYA TURUT MERASA BANGGA DENGAN KEBOLEHAN DAN PENCAPAIAN RAKYAT MALAYSIA YANG BERKHIDMAT DI NEGARA INI SEBAGAI PROFESSIONAL DALAM BIDANG PERUBATAN; KEJURUTERAAN; PENDIDIKAN; KEWANGAN DAN MEDIA.

DARI ASPEK EKONOMI PULA; SAYA MERASA BANGGA DENGAN KEUPAYAAN SYARIKAT MILIK RAKYAT MALAYSIA YANG MENJALANKAN URUSAN PERNIAGAAN DAN BEROPERASI DI NEGARA INI. SUDAH TENTULAH; KEJAYAAN INI DI-CAPAI MELALUI DASAR KERAJAAN BRUNEI DALAM MEMUDAHKAN IKLIM PERNIAGAAN DI-SAMPING MENGGALAKKAN KEMAJUAN EKONOMI MELALUI KEMASUKAN "FOREIGN DIRECT INVESTMENT."

DALAM KONTEKS INI; SAYA INGIN MENZAHIRKAN RASA PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM; YANG TELAH MEMBERI PELUANG KEPADA RAKYAT DAN SYARIKAT MALAYSIA UNTUK MENYUMBANG KEPADA KEMAJUAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

SESUNGGUHNYA KEJAYAAN RAKYAT SERTA SYARIKAT MALAYSIA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM INI TIDAK AKAN DI-NIKMATI TANPA SOKONGAN; PERSEFAHAMAN ERAT DARIPADA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN.

RAKYAT MALAYSIA TIDAK KIRA DI MANA SAHAJA BERADA; HENDAKLAH TERUS MENGEKALKAN NAMA BAIK DAN IMEJ MALAYSIA DENGAN MENGAMALKAN ETIKA KERJA YANG MULIA SERTA MENGHORMATI UNDANG-UNDANG DAN BUDAYA TEMPATAN.

SELAIN ITU; RAKYAT MALAYSIA HENDAKLAH JUGA MEMPAMERKAN KESETIAAN YANG TIDAK BERBELAH BAHAGI KEPADA NEGARA. KEAMANAN; KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN YANG DI-NIKMATI OLEH MALAYSIA BUKAN SESUATU YANG BOLEH DIAMBIL RINGAN. SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA YANG MENCINTAI TANAH-AIRNYA; SEBARANG USAHA UNTUK MENGGUGAT KESELAMATAN NEGARA HENDAKLAH DI-HINDARI DAN DI-JAUHI.

SAYA BERHARAP SEMOGA PERSATUAN RAKYAT MALAYSIA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM; IAITU PERSATUAN WARGANEGARA MALAYSIA (PWM) DAN PERSATUAN KEBAJIKAN MELAYU SEMALAYSIA (PKMS) AKAN TERUS BEKERJASAMA RAPAT DENGAN SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA DI BRUNEI DARUSSALAM DALAM MENJAGA KEPENTINGAN RAKYAT MALAYSIA DISINI.

MENGAKHIRI TITAH; SAMA-SAMALAH KITA BERDOA SEMOGA NEGARA MALAYSIA YANG KITA CINTAI AKAN TERUS BEROLEH RAHMAT DAN DILINDUNGI ALLAH SUBHANAHU WATAALA.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته